

# KENYATAAN MEDIA



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP**  
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya  
No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## **STATUS BEKALAN DAN JUALAN RAHMAH GULA DI NEGERI KEDAH**

**KUALA LUMPUR, 22 MEI 2023 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memandang serius isu kekurangan bekalan gula di Negeri Kedah seperti yang tular di media. Sehubungan itu, KPDN Negeri Kedah telah menggerakkan seramai 176 orang Pegawai Penguat Kuasa bagi memantau serta menangani isu kekurangan bekalan gula melalui OPS Manis.**

2. Sehingga kini sebanyak **214 pemeriksaan berkaitan gula** telah dijalankan di seluruh negeri Kedah merangkumi **sektor pemborong dan peruncit serta satu (1) pemeriksaan di kilang pengeluar.**
3. Sehingga 20 Mei 2023, kedudukan bekalan gula di **20 pemborong utama** di Kedah yang dibekalkan oleh MSM Holdings Berhad dan Central Sugars Refinery Sdn Bhd telah berjaya dipulihkan ke tahap **796.721 metrik tan (MT)**.
4. Selain itu, **kedudukan bekalan gula di Negeri Kedah juga ditampung melalui Inisiatif Jualan RAHMAH kepada rakyat di lokasi yang didakwa terjejas bekalan gula bermula 22 Mei 2023. Harga gula yang ditawarkan di Jualan RAHMAH tersebut ialah RM5 untuk setiap 2kg. Lokasi - lokasi Program Jualan RAHMAH adalah seperti berikut:**
  - i. **Ben Eng Huat**  
Masa Jualan: 10.00 pagi  
Jumlah Stok Gula Tersedia :1,000 KG
  - ii. **Pasar raya Kawan Kita Sik**  
Masa Jualan: 1.30 petang  
Jumlah Stok Gula Tersedia: 1,000 KG

**iii. Pasar raya Kawan Kita Gurun**

Masa Jualan: 1.30 petang

Jumlah Stok Gula Tersedia: 1,000 KG

**iv. Pasar raya Kawan Kita Ambangan Height**

Masa Jualan: 3.00 petang

Jumlah Stok Gula Tersedia: 2,000 KG

5. **KPDN** juga ingin menyeru supaya **pengguna agar tidak membuat pembelian panik kerana tindakan berkenaan boleh menjasaskan rantaian bekalan gula di pasaran.** Sehubungan itu, Kementerian ini ingin menasihatkan kepada para peniaga agar menjalankan aktiviti perniagaan dengan lebih bertanggungjawab dan beretika. Pihak **KPDN juga mengingatkan supaya para peniaga tidak mengenakan apa-apa pembelian bersyarat atau menyorok bekalan gula.** Tindakan boleh dikenakan di bawah **Akta Kawalan Bekalan 1961.**

6. Orang ramai turut disarankan agar menjadi mata dan telinga kepada pihak Kementerian dengan menyalurkan maklumat berhubung kegiatan ini melalui :

- I. WhatsApp 019-279 4317 / 019-848 8000;
- II. Portal e-Aduan KPDN iaitu <http://e.aduan.kpdn.gov.my>;
- III. Call Centre 1-800-886-800;
- IV. E-mel ([e-aduan@kpdn.gov.my](mailto:e-aduan@kpdn.gov.my));
- V. Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN, dan;
- VI. Bilik Gerakan Penguatkuasaan 03-88826088/6245.

**YB DATUK SERI SALAHUDDIN AYUB,  
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP  
KUALA LUMPUR, 22 MEI 2023**

###

## LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampung sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:

